

26/06/2002

Pemimpin pembangkang beri reaksi berbeza

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin parti pembangkang memberikan reaksi berbeza berhubung keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan selepas Oktober tahun depan.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas mengalu-alukan kesediaan Dr Mahathir mengekalkan kepimpinannya sehingga Oktober tahun depan.

"Baguslah dia nak sambung walaupun dalam tempoh tertentu tetapi pada masa sama, kita mesti berfikiran terbuka... jangan nampak beliau seorang saja (menjadi pemimpin).

"Saya tiada masalah dan tidak mengapalah jika Dr Mahathir nak teruskan khidmatnya, asalkan amalan demokrasi di negara ini dijaga baik dan jangan ada diskriminasi atau tekanan keterlaluan terhadap pembangkang.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dilantik sebagai pemangku Perdana Menteri dan menggantikan Dr Mahathir selepas persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober tahun depan.

"Pengumuman itu bertujuan mewujudkan proses peralihan kuasa secara tersusun, tetapi ia menunjukkan seperti tiada ketentuan. Bagaimanapun kami, berharap Abdullah mengambil peluang itu untuk membawa perubahan terhadap nilai pengukuhan kerajaan demokrasi.

Beliau juga meminta Abdullah membebaskan semua ahli politik yang dipenjarakan, termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, pula menggesa Dr Mahathir membuat kenyataannya sendiri selepas menarik balik peletakan jawatannya untuk menenangkan suasana.

"Jika tidak, ia memperlihatkan Dr Mahathir dipaksa meletakkan jawatan," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock pula berkata, pengumuman yang tidak menyatakan sebab peletakan jawatan secara mendadak, mengubah keputusan kepada satu tempoh peralihan kuasa yang agak panjang menimbulkan banyak persoalan dan spekulasi, terutama membabitkan isu ketiadaan pelapis bagi jawatan Perdana Menteri.

(END)